

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROF. DR. MOHD HAFIZ MOHD HANAFIAH
TIMBALAN REKTOR (iCARE)**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR. AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN SUKAN
ANTARA FAKULTI (INTERFAC)
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**14 DISEMBER 2026 | AHAD | 4.00 PETANG
DEWAN BERLIAN**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir Ts Dr Solehuddin Shuib

Penolong Rektor Kampus Sungai Buloh, Selayang,
dan Teluk Intan

Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri
UiTM Cawangan Selangor

Barisan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

Barisan Ketua Bahagian dan Ketua Unit

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar

Para atlet Kejohanan Sukan Antara Fakulti
(INTERFAC) UCS 2025

Barisan Ahli Jawatankuasa Penganjur

Mahasiswa yang dikasihi, warga UiTM Cawangan
Selangor, serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**, yang Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.

2. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada petang ini bagi meraikan **Penutupan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (INTERFAC) UiTM Cawangan Selangor.**
3. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada **Unit Sukan, Unit Kesihatan dan Unit Kokurikulum HEP**, serta **Jawatankuasa Sukan Pelajar dan Persatuan Pelajar** yang telah bertungkus lumus merencana, melaksana dan merealisasikan penganjuran INTERFAC 2025.
4. Saya dimaklumkan ini merupakan penganjuran INTERFAC kali kedua dan kejohanan telah pun bermula pada 6hb yang lalu untuk sukan berpasukan, dan diteruskan dengan sukan individu pada 13 dan 14hb (hari ini).

Hadirin sekalian,

5. INTERFAC 2025 adalah manifestasi komitmen UiTM untuk melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja unggul dalam akademik, tetapi juga cergas, berdaya tahan, berdisiplin dan memiliki semangat setiakawan yang tinggi.
6. Penganjuran kejohanan ini secara langsung menyumbang kepada pencapaian **Matlamat 3 Sustainable Development Goals (SDG): Good Health and Well-being**, iaitu komitmen UiTM dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan sejahtera melalui aktiviti sukan.
7. Dalam era yang semakin mencabar ini, kesejahteraan fizikal dan mental amat penting bagi memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih produktif, fokus dan berkeyakinan.

8. Tahun ini, INTERFAC turut menekankan pembudayaan **IDART**, iaitu: ***Integrity, Discipline, Accountability, Respect, dan Teamwork.***
9. Pembudayaan IDART dalam kalangan atlet dan pegawai amat penting bagi memastikan setiap pasukan bersedia dari segi disiplin, strategi dan semangat berpasukan.
10. INTERFAC 2025 turut berfungsi sebagai platform penting untuk mengenal pasti bakat-bakat Baharu yang berpotensi mewakili UiTM Cawangan Selangor ke peringkat seterusnya seperti SUKIPT, MASUM, serta kejohanan kebangsaan dan antarabangsa.
11. Saya yakin bahawa ada dalam kalangan atlet kita pada hari ini yang mempunyai potensi besar untuk menyerlah di pentas lebih tinggi.

12. Kejohanan ini bukan hanya perlawanan, tetapi juga permulaan perjalanan sukan yang lebih luas dan bermakna.

Hadirin sekalian,

13. Sukan mengajar kita untuk bangkit selepas jatuh, belajar daripada kekalahan, menghormati kemenangan, serta mengekalkan integriti dalam setiap perlawanan.

14. Inilah nilai-nilai yang membentuk karakter anak muda UiTM sebagai aset masa depan negara.

15. Saya berharap setiap yang ada di dewan ini, baik atlet mahupun penyokong, dapat menjadikan INTERFAC ini suatu medan bagi memperkukuh perpaduan fakulti dan identiti kampus dalam suasana yang positif dan harmoni.

16. Akhir kata, tahniah sekali lagi diucapkan kepada para atlet, pengurus pasukan, barisan juri, jawatankuasa pelaksana serta semua yang telah terlibat dalam menjayakan INTERFAC UCS 2025 ini.

Sorak gemuruh membakar semangat,
Atlet berjuang penuh tenaga;
Di medan sukan terpahat tekad,
Menjulang maruah, menjulang nama.

17. Dengan lafaz suci ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya merasmikan **Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (INTERFAC) UiTM Cawangan Selangor 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**